

Headline	Hutan FRIM semakin rimas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	21	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	447 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,835
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,504



Hutan FRIM semakin rimas

KEUNIKAN hutan dan ekosistem yang dimiliki oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah membawa masuk kira-kira 850,000 pelawat setiap tahun.

Sekiranya dibahagikan secara bulanan, jumlah itu sudah melebihi 70,000 orang. Dan jika dipuratakan mengikut hari, dianggarkan tidak kurang 500 pelawat memasuki kawasan itu setiap hari.

Itu belum mengambil kira kepadatan yang berlaku secara mendadak pada hujung minggu dan hari-hari cuti. Pada sebelah pagi khususnya, FRIM mungkin menjadi kawasan hutan paling sesak di negara ini.

Kesesakan di FRIM bukan hanya disebabkan oleh bilangan kenderaan pelawat yang datang bersenam, bahkan turut menjadi lokasi ‘popular’ sebagai destinasi perkelahan.

Bersandarkan kiraan itu, jumlah kemasukan pelawat di FRIM dijangka mencecah

sejuta orang pada bila-bila masa sekiranya langkah sepatutnya tidak diambil.

Sehubungan itu, Ketua

Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** berkata, pihaknya akan mengurangkan jumlah kemasukan kenderaan dan pelawat ke Kawasan itu dalam usaha memelihara kelestarian alam semula jadinya.

“Walaupun keputusan ini sesuatu yang ‘tidak popular’ untuk dilaksanakan, kita terpaksa buat kerana hutan di sini semakin rimas.

“Demi memelihara ekosistem, kami terpaksa mengehadkan jumlah kenderaan yang menyebabkan kesesakan dan kadar pengeluaran karbon yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata, kajian yang

dilakukan oleh penyelidik FRIM juga mendapati berlaku kerosakan struktur tanah pada denai-denai yang kerap dimasuki pejalan kaki dan mereka yang berbasikal.

“Antara cadangan yang bakal dilaksanakan nanti termasuk penutupan denai dan laluan selama beberapa tahun untuk memulihkan tanah kepada keadaan asal.

“Kalau boleh, kita mahu mengembalikan suhu asal kawasan ini seperti tahun 1980-an. Suhu di sini dahulu sejuk, bayangan jika minyak masak pun boleh membeku,” tambahnya.

Abdul Latif berkata, langkah yang sama juga dilakukan dalam usaha untuk mendapat gelaran Tapak Warisan Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

“Untuk mendapat gelaran itu, kita harus mematuhi syarat dan piawaian alam sekitar yang ditetapkan,” katanya.

Kesesakan di FRIM bukan hanya disebabkan oleh bilangan kenderaan pelawat yang datang bersenam, bahkan turut menjadi lokasi ‘popular’ sebagai destinasi perkelahan.

